

BANTUAN MEMELUK ISLAM

OBJEKTIF

Bantuan kewangan ini bertujuan untuk meringankan bebanan individu Asnaf Muallaf yang baru memeluk agama Islam dan sebagai dana sokongan kepada sebarang keperluan sementara bagi mereka menjalani perubahan hidup sebagai seorang muslim.

KEKERAPAN

Sekali sahaja dalam tempoh 100 hari selepas memeluk Islam.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Keutamaan Penduduk Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 100 hari termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh memeluk agama Islam.
3. Menyertakan surat pengesahan masuk Islam atau Kad Perakuan Memeluk Agama Islam.
4. Surat Sokongan atau / pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).
5. Pemohon perlu menghadiri kursus Intensif dan Kursus Lanjutan Saudara Kita.
6. Pemohon yang mengikuti kursus di luar Sarawak hendaklah mendapat pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).
7. Bagi mereka yang dikecualikan mengikuti kursus Intensif dan Kursus Lanjutan Saudara kita perlu menyertakan Surat Sokongan pembayaran saguhati daripada pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) seperti mereka yang berumur 18 tahun kebawah, faktor kesihatan, dan lain-lain jika berkaitan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Kad Perakuan Memeluk Agama Islam, Surat sokongan dan pengesahan daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.